

BENGGEL PERSEDIAAN PEPERIKSAAN AKHIR PPSM, UITM CAWANGAN SARAWAK

Penulis: Sharin Sulaiman

Pusat Pengajian Sains Maklumat (PPSM), UiTM Cawangan Sarawak telah mengadakan Bengkel Persediaan Peperiksaan Akhir yang melibatkan pelajar semester 4 dan 5 Diploma Pengurusan Maklumat (CDIM110). Bengkel ini telah diadakan dengan jayanya pada 7 Julai 2023 (Jumaat) bermula pada jam 2.00 petang sehingga 5.00 petang bertempat di bilik kuliah blok G UiTM Sarawak Kampus Samarahan. Setiap kumpulan pelajar telah ditempatkan berdasarkan kepada Penasihat Akademik masing-masing. Antara pensyarah yang terlibat ialah Puan Suriani Binti Jack, Puan Zainon Binti Haji Bibi, Cik Suhaida Binti Halamy, En Sharin Sulaiman dan Puan Nurfaizah Binti Kamarudin. Diantara objektif bengkel ini adalah untuk menerangkan kepada para pelajar tentang teknik menjawab soalan dalam pelbagai format, memberikan persediaan kepada para pelajar sebelum menduduki peperiksaan dan tips motivasi untuk meningkatkan momentum pelajar ke arah kecemerlangan akademik, Bengkel ini dimulakan dengan sesi taaruf bertajuk "Siapa Saya?" dan diikuti dengan aktiviti permainan nombor. Penasihat akademik yang juga berperanan sebagai fasilitator kemudian menerangkan kepentingan memberi tumpuan kepada persediaan menghadapi peperiksaan akhir dan tidak hanya mengfokuskan kepada markah kerja kursus semata-mata.



Cik Suhaida sedang memberi arahan kepada pelajar untuk salah satu aktiviti bengkel.

Sesi diteruskan dengan memberi pelajar penerangan berkaitan dengan kaedah dan strategi untuk menjawab soalan peperiksaan dalam pelbagai bentuk seperti soalan subjektif, soalan berstruktur (pendek), soalan True/False dan soalan esei dan tips untuk menjawab soalan tersebut. Akhir program, para pelajar turut diberikan bungkusan kuih muih dan air kotak untuk minum petang selepas selesai bengkel.

Rata-rata pelajar telah memberikan maklum balas yang positif terhadap aktiviti yang diadakan di mana bengkel seperti ini dapat membantu mereka untuk mengatasi kelemahan dan kesilapan yang sering dilakukan ketika menjawab soalan peperiksaan akhir. Selain itu, bengkel ini menjadi wahana berkesan bagi memberi ruang dan peluang kepada penasihat akademik untuk bersama dengan pelajar di bawah seliaan masing-masing. Para pelajar berharap agar bengkel seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang bagi membantu para pelajar untuk mencapai keputusan yang lebih baik dan cemerlang dalam akademik.



Antara pelajar yang menghadiri bengkel

